

Johor Bahru: Seorang pembantu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) didenda RM2,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana gagal melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung suapan wang berjumlah RM700 yang diberikan kepadanya, tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail menjatuh-

Didenda RM2,000 gagal lapor rasuah RM700

kan hukuman itu ke atas Muhamad Basri Bonari, 43, yang berkhidmat di KPDNHEP Cawangan Muar selepas tertuduh mengaku bersalah melakukan kesalahan berkenaannya sebaik kertas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa.

Mahkamah turut memerintahkan bapa kepada tiga anak itu menjalani hukuman penjara satu bulan,

sekiranya dia gagal membayar denda. Tertuduh membayar denda berkenaannya.

Muhamad Basri didakwa sebagai penjawat awam Gred KP19 diberikan wang suapan oleh Phang Min Lee, 35, berjumlah RM700 supaya tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Syarikat Khaw Tai Trading Sdn Bhd di kawasan stor

syarikat berkenaannya di Muar, pada 4.55 petang, 10 Mei 2021.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(2) akta sama yang membawa hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Raya SPRM Ikhwan Ihsan Jalaludin memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal supaya dapat memberi pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat memandangkan tindakannya boleh menjejaskan reputasi penjawat awam khususnya KPDNHEP.

Bagaimanapun, peguam

Tan Song Yan yang mewakili Muhamad Basri merayu kepada mahkamah untuk tidak mengenakan hukuman penjara sebaliknya hukuman denda rendah atas alasan anak guamnya telah insaf, mengalami masalah jantung selain kini sedang menanggung isteri, tiga anak, ibu dan bapa serta ibu mentua.